

**TINDAKAN PTJ UNTUK PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PENDAPATAN
BERCUKAI/ TIDAK BERCUKAI (IT0547-BIK TAX) SEBAGAI PERSEDIAAN
AWAL PENYEDIAAN PENYATA PENDAPATAN TAHUNAN (EC FORM) 2025**

Dengan hormatnya emel BPTM, JANM bertarikh 13 Januari 2026 bagi pengemaskinian maklumat pendapatan bercukai/tidak bercukai bagi tujuan Penjana *EC Form* dan penghantaran data CP8D ke Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa JANM Negeri Pahang akan melaksanakan larian ZRPY024 Penyata Pendapatan Tahunan (*EC Form*) bagi tahun 2025. Penerangan ringkas berkenaan *EC Form* adalah seperti berikut:-

- a) *EC Form* bagi setiap pegawai akan dijana oleh Pejabat Perakaunan (AO) yang aktif membayar gaji pegawai tersebut pada bulan semasa *EC Form* atau AO terakhir pegawai dibayar gaji.
- b) **Satu (1) *EC Form* akan dijana bagi setiap nombor gaji pegawai** bagi tempoh setahun pendapatan jika mula bertugas dari bulan Januari 2025 hingga Disember 2025. Sekiranya pegawai mempunyai dua (2) nombor gaji, pegawai berkenaan akan mempunyai dua (2) *EC Form* yang berlainan.
- c) Bagi pendapatan bercukai yang dibayar melalui baucar bayaran jenis **K6 - Pendapatan Bercukai di Portal iGFMAS**, maklumat berkenaan telah dikemaskini secara automatik ke Sistem HCM. PTJ boleh membuat **semakan melalui PA20** bagi *infotype* IT0547 (BIK(TAX) *Infotype for Malaysia*) dan IT9001 (*Payment Voucher Details*).
- d) **Tindakan kunci masuk di IT0547 – BIK TAX (*Infotype for Malaysia*)** perlu dilakukan oleh PTJ yang terkini (gaji masih aktif dibayar) jika transaksi tersebut tidak dikemaskini secara auto di Sistem HCM.
- e) Sekiranya **pegawai berstatus 'TIDAK AKTIF' di Sistem HCM** (tamat perkhidmatan / keluar *payroll* sementara / cuti tanpa gaji), pegawai berkenaan bertanggungjawab untuk isytihar (*declare*) sendiri kepada LHDNM semasa membuat pengisian dan penghantaran Borang Nyata Cukai Pendapatan melalui Aplikasi MyTax LHDN. **PTJ TIDAK PERLU** membuat pengemaskinian maklumat di Sistem HCM bagi pegawai yang berstatus tidak aktif.

3. Oleh itu, semua PTJ adalah dimohon untuk menyemak dan mengunci masuk maklumat pendapatan bercukai dan tidak bercukai pegawai yang tidak dikemaskini secara auto di Sistem HCM **selewatnya-lewatnya pada 26 Januari 2026 (Isnin).** Untuk makluman, sistem HCM akan ditutup pada 22 hingga 23 Januari 2026 bagi memberi laluan kepada Proses Arahkan Potongan Gaji (APG) oleh Ibu Pejabat JANM.

4. Bersama-sama ini disertakan **Panduan Mengemaskini Maklumat Pendapatan Bercukai atau Tidak Bercukai di IT0547** bagi Tujuan Pelarasan di ***EC Form*** bagi pengemaskinian yang perlu dibuat secara manual oleh PTJ sebagai rujukan dan tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

Unit Gaji
JANM Pahang
16 Januari 2026

**PANDUAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PENDAPATAN BERCUKAI/
TIDAK BERCUKAI DI INFOTYPE 0547 – BIK (TAX) (INFOTYPE FOR
MALAYSIA) BAGI TUJUAN PELARASAN AMAUN BERCUKAI/ TIDAK
BERCUKAI DI PENYATA PENDAPATAN TAHUNAN**

1.0 Pendahuluan

Panduan ini disediakan bagi membantu Pusat Tanggungjawab (PTJ) atau Pejabat Perakaunan (AO) untuk mengemaskini maklumat pendapatan bercukai/ tidak bercukai bagi tujuan pelarasan amaun bercukai/ tidak bercukai di Penyata Pendapatan Tahunan.

Ini bagi memastikan amaun yang dipaparkan di Penyata Pendapatan Tahunan adalah amaun sebenar yang patut di laporkan semasa pembayar cukai membuat pengisian dan menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) melalui Aplikasi MyTax LHDN.

2.0 Nota Penting

- i. Maklumat pendapatan bercukai/ tidak bercukai ini akan dikunci masuk melalui PA30 di Infotype 0547 mengikut tahun pendapatan berkenaan diterima. Tindakan kunci masuk di IT0547 perlu dilakukan oleh PTJ/AO yang terkini (gaji aktif dibayar) jika transaksi berkenaan tidak dikemaskini di Sistem HCM.
- ii. Sebelum kunci masuk, PTJ perlu membuat semakan di PA20 BIK Tax terlebih dahulu bagi memastikan perekodan tidak berlaku dua (2) kali.
- iii. Contohnya jika **pendapatan berkenaan diterima pada tahun 2025, dokumen pulang balik diterima pada tahun 2026**, PTJ mesti **kunci masuk data di IT0547 bagi tahun 2025**. Ini bagi membolehkan pelarasan (pengurangan/penambahan) pendapatan bercukai/ tidak bercukai berkenaan. Sekiranya tahun kunci masuk adalah berbeza dengan tahun pendapatan diterima, maka amaun *negative* (-) akan dipaparkan di Penyata Pendapatan Tahunan.
- iv. Tarikh kunci masuk adalah 01.12.2025 – 01.12.2025 bagi dokumen pertama diterima. Dokumen kedua diterima akan dikunci masuk pada 02.12.2025 – 02.12.2025. PTJ adalah bertanggungjawab bagi memastikan kunci masuk dibuat berdasarkan dokumen sokongan yang lengkap (resit, baucar bayaran dan sebagainya).
- v. Kunci masuk di IT0547 perlu dilakukan oleh PTJ/AO yang terkini (gaji aktif dibayar). Sekiranya pegawai berkenaan berstatus tamat (tidak aktif) pegawai perlu melaporkan sendiri semasa pembayar cukai berkenaan membuat pengisian dan menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) melalui Aplikasi MyTax LHDN.

vi. **SENARIO 1 : KUTIPAN BALIK GAJI TERLEBIH BAYAR**

Pattah bin Aming menerima **tunggakan gaji melalui Sistem HCM pada November 2025 sebanyak RM800**, jabatan mendapati amaun tersebut **terlebih bayar sebanyak RM200**. Pattah membuat bayaran balik secara tunai pada Januari 2026 dan jabatan mengeluarkan resit terimaan kepada beliau menggunakan Portal iGFMAS. Tindakan PTJ **mesti kunci masuk amaun RM200 tersebut di IT0547 (Kod BIK 800 – kutipan balik emolumen bercukai (payroll)) bagi tahun 2025**. Ini bagi membolehkan pelarasan pengurangan pendapatan bercukai dikemaskini dalam *EC Form*.

vii. **SENARIO 2 : TAHAN GAJI / GAJI REJECT OLEH BANK**

Ameerah binti Man dibayar gaji melalui Sistem HCM, namun demikian pada hari gaji, gaji beliau telah gagal dikreditkan ke akaun bank beliau kerana mempunyai masalah akaun bank. Pihak bank telah membuat pemulangan balik gaji bersih berjumlah RM1,500.00 (Amaun gaji bersih berjumlah RM1,000.00 dan elaun tidak dikenakan cukai RM500.00) dan seterusnya PTJ JKL tempat beliau bertugas telah menyediakan resit rasmi dan penyata pemungut di Portal iGFMAS bagi memperakakan semula pulangan balik gaji berkenaan. Tindakan PTJ JKL **mesti kunci masuk amaun RM1,000.00 (amaun pendapatan bercukai) tersebut di IT0547 (Kod BIK 800 – kutipan balik emolumen bercukai (payroll)), manakala elaun tidak kena cukai RM500.00 di kunci masuk di IT0547 (Kod BIK 812 – pulangan balik elaun tidak bercukai) bagi tahun 2025**. Ini bagi membolehkan pelarasan pengurangan pendapatan bercukai dikemaskini dalam *EC Form*.

viii. **SENARIO 3 : TERSALAH GUNA KOD WAGETYPE (DIKENAKAN CUKAI) BAGI MEMBAYAR ELAUN TIDAK KENA CUKAI**

PTJ Jabatan Netizen Negara tersilap kunci masuk kod wagetype 1273 (Elaun Pakaian Seragam - elaun tidak kena cukai) menggunakan kod wagetype 1274 (Elaun Jahitan - elaun kena cukai). Kod wagetype yang betul bagi Elaun Pakaian Seragam adalah kod wagetype 1273. Tindakan PTJ Jabatan Netizen Negara **mesti kunci masuk di IT0547 (Kod BIK 800 – kutipan balik emolumen bercukai (payroll)) bagi tahun 2025**. Ini bagi membolehkan pelarasan pengurangan pendapatan bercukai dikemaskini dalam *EC Form*.

ix. **SENARIO 4 : KAKITANGAN TETAP LANTIKAN BAHARU YANG TIDAK MEMPUNYAI NOMBOR GAJI DAN DIBAYAR GAJI DI PORTAL iGFMAS MENGGUNAKAN K6 PENDAPATAN BERCUKAI MENGGUNAKAN KOD VENDOR OTV (10009) ATAU KOD VENDOR PANS 14 SIRI**

Cik Epal dilantik ke perkhidmatan awam pada 17 November 2025. Pada bulan Disember 2025 gaji beliau masih tidak dapat dikunci masuk dan dibayar menggunakan Sistem HCM kerana sistem telah ditutup. PTJ Jabatan Netizen Negara tempat beliau bertugas telah membayar gaji beliau menggunakan Portal iGFMAS baucar bayaran berasingan – K6 Pendapatan bercukai menggunakan Kod Vendor One Time Payment (10009) / PANS 14. Perincian tindakan PTJ adalah seperti berikut:-

	AMAUN (RM)	TINDAKAN PTJ (IT0547)
Emolumen kasar (Gaji dan elaun yang kena cukai sahaja)	2,000.00	KOD BIK 901
KWSP (Pekerja)	Rujuk jadual KWSP	KOD BIK 910

Ini bagi membolehkan pelarasan penambahan/pengurangan pendapatan bercukai dikemaskini dalam *EC Form*.

TINDAKAN PTJ UNTUK PENGEMASKINIAN DI SISTEM HCM

- **PA30**
- **Masukkan No. Gaji Pegawai – tekan enter**
- **Klik Statutory Data**
- **Klik BIK(TAX) Infotype for Malaysia**
- **Klik Create/Copy**

Personnel no. [Empty]

Name **PATTAH BIN AMING**

EE group **A** Jawatan Tetap Pers.area **Z1** **KSU NETIZEN**

EE subgroup **01** Pegawai Awam Cost Center **JABATAN NETIZEN NEGARA**

Basic personal data Pay Data **Statutory Data**

Infotype Text	S...
Employees Provident Fund	✓
Schedular Deduction Tax	✓
Addl. tax deduction	
Employees' Social Security	
BIK(TAX) Infotype for Malaysia	✓

Period

☒ Period

From To

☐ Today ☐ Curr.week
☐ All ☐ Current month
☐ From curr.date ☐ Last week
☐ To Current Date ☐ Last month
☐ Current Period ☐ Current Year

Choose

- **Masukkan tarikh – Dokumen Pertama**
(Tarikh Mula: 01.12.2025, Tarikh Tamat:01.12.2025).
- **Masukkan amaun (RM) mengikut Kod BIK yang bersesuaian**
- **Klik Save**

Personnel No [Empty] Name **PATTAH BIN AMING**

EE group **A** Jawatan Tetap Pers.area **Z1** **KSU NETIZEN**

EE subgroup **01** Pegawai Awam Pers. subarea **JABATAN NETIZEN NEGARA**

Start Tarikh Mula : 01.12.2025 bis Tarikh Tamat: 01.12.2025 And. [Empty]

BIK(TAX) Infotype for Malaysia

Code	Benefits In Kind	Amount
800	Kutipanbalik Emolumen Bercukai (Payroll)	200.00
801	Kutipanbalik Emolumen Bercukai (Bukan Payroll)	0.00
805	Kutipanbalik PCB	0.00
806	Kutipanbalik CP38	0.00
807	Kutipanbalik Zakat	0.00
810	Kutipanbalik KWSP	0.00
812	Pulangan Balik Elaun Tidak Bercukai	0.00
900	Emolumen Bercukai (Payroll)	0.00
901	Emolumen Bercukai (Bukan Payroll)	0.00
905	PCB	0.00
906	CP38	0.00
907	Zakat	0.00
910	KWSP	0.00

- **PTJ Ulang proses di atas jika pegawai mempunyai lebih daripada satu (1) maklumat yang perlu dikemaskini, perbezaan adalah melibatkan **tarikh tindakan**,**
 - a) PTJ teruskan dengan Dokumen Kedua dan masukkan (Tarikh Mula:02.12.2025, Tarikh Tamat:02.12.2025), Pilih Kod BIK yang berkaitan serta kunci masuk amaun.**
 - b) Jika ada Dokumen Ketiga, masukkan (Tarikh Mula:03.12.2025, Tarikh Tamat:03.12.2025), Pilih Kod BIK yang berkaitan serta kunci masuk amaun. Teruskan kunci masuk sehingga selesai.**

KETERANGAN KOD BIK (IT0547)

BIL	KOD BIK	KETERANGAN	KESAN DI EC FORM	NOTA	TINDAKAN PTJ UNTUK KEMASKINI IT0547
1	800	Kutipan balik Emolumen Bercukai (Payroll)	(-) B.1.a	Emolumen diterima di Sistem HCM iGFMAS.	BERGANTUNG KEPADA SITUASI 1. TIDAK PERLU KEMASKINI – sekiranya bayaran kutipan balik dibuat melalui Sistem HCM kerana telah di <i>pickup</i> secara auto. 2. PERLU KEMASKINI – i. Sekiranya kutipan balik dibuat melalui Portal iGFMAS (terimaan melalui resit rasmi dan penyata pemungut). ii. Untuk kes tahan gaji dan <i>reject</i> gaji di Sistem HCM.
2	801	Kutipan balik Emolumen Bercukai (Bukan Payroll)	(-) B.1.a	Emolumen diterima di Portal iGFMAS.	PERLU KEMASKINI – sekiranya kutipan balik dibuat melalui Portal iGFMAS (terimaan melalui resit rasmi dan penyata pemungut).
3	805	Kutipan balik PCB	(-) C.1	Jika tindakan dibuat melalui Sistem HCM – telah <i>auto pickup</i> .	BERGANTUNG KEPADA SITUASI 1. TIDAK PERLU KEMASKINI – sekiranya tindakan pelarasan dibuat melalui Sistem HCM. 2. PERLU KEMASKINI – sekiranya tindakan kutipan balik dibuat melalui Portal iGFMAS (terimaan melalui resit rasmi dan penyata pemungut).
4	806	Kutipan balik CP38	(-) C.2		
5	807	Kutipan balik Zakat	(-) C.3		
6	810	Kutipan balik KWSP	(-) D.1		
7	812	Pulangan Balik Elaun Tidak Bercukai	(+) E		
8	900	Emolumen Bercukai (Payroll)	(+) B.1.a	Emolumen diterima di Sistem HCM iGFMAS – pendapatan bercukai tetapi tidak diambil kira untuk PCB (contoh bonus <i>Off Cycle</i>).	
9	901	Emolumen Bercukai (Bukan Payroll)	(+) B.1.a	Emolumen diterima di Portal iGFMAS – Jenis Dokumen K6 – sistem telah <i>auto pickup</i> melalui ZRPY049.	BERGANTUNG KEPADA SITUASI 1. TIDAK PERLU KEMASKINI – sekiranya Sistem HCM telah <i>auto pickup</i>. Namun demikian, PTJ perlu semak di IT9001 (<i>Payment Voucher Details</i>) terlebih dahulu.

BIL	KOD BIK	KETERANGAN	KESAN DI EC FORM	NOTA	TINDAKAN PTJ UNTUK KEMASKINI IT0547
					2. PERLU KEMASKINI – bagi kes pembayaran gaji seperti di <u>SENARIO 4.</u>
10	905	PCB	(+) C.1		Sekiranya pegawai ada membuat bayaran sendiri kepada Agensi berkenaan, PTJ mempunyai pilihan untuk:- 1. Kunci masuk amaun bayaran berdasarkan resit rasmi daripada pegawai. Sertakan salinan resit rasmi yang telah disahkan bersama borang SG20. 2. PTJ meminta pegawai untuk membuat tuntutan/ pelarasan semasa penghantaran borang Cukai Pendapatan melalui Aplikasi MyTax LHDN.
11	906	CP38	(+) C.2		
12	907	Zakat	(+) C.4.b	Zakat dibayar di luar sistem.	
13	910	KWSP	(+) D.1		

Keratan Penyata Pendapatan Tahunan untuk rujukan:

(C.P.8C - Pin.2017)

MALAYSIA
CUKAI PENDAPATAN

Penyata Gaji Pekerja AGENSI KERAJAAN **EC**

No. Siri **000000** No. Cukai Pendapatan Pekerja

No. Majikan E **2922071-08** PENYATA SARAANDARIPADA PENGGAJIAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER **2025** Cawangan LHDNM **JANM**

BORANG EC INI PERLU DISEDIAKAN UNTUK DISERAHKAN KEPADA PEKERJA BAGI TUJUAN CUKAI PENDAPATAN

A BUTIRAN PEKERJA

1. Nama Penuh Pekerja/Pesara (En./Cik/Puan).....

2. Jabatan **27-JANM**

3. Jawatan **WAAA** 4.No.Kakitangan/No.Gaji

5. No. Kad Pengenalan / Polis / Tentera / Pasport

6. No. KWSP

7. No. PERKESO

8. Bilangan Anak Yang Layak Untuk Pelepasan Cukai **1** 9. Jika bekerja tidak genap setahun, nyatakan:

(a) Tarikh mula bekerja **01.06.2011**

(b) Tarikh berhenti kerja

B PENDAPATAN PENGGAJIAN DAN MANFAAT RM

(Tidak Termasuk Elaun/Perkuisit/Pemberian/Manfaat Yang Dikecualikan Cukai)

1. Gaji/Emolumen **70,807.56**

(a) Gaji, termasuk Gaji Cuti, Bonus, Elaun Kena Cukai dan lain-lain

(b) Ganjaran bagi tempoh dari hingga

2. Manfaat Berupa Barangan (Nyatakan butiran.....)

3. Manfaat Tambang Percutian (jika berkenaan)

4. Butiran bayaran tunggakan dan lain-lain bagi tahun-tahun terdahulu dalam tahun semasa

PENDAPATAN BOLEH DICUKAI (B1 + B2 + B3 + B4) 70,807.56

C JUMLAH POTONGAN

1. Potongan Cukai Bulanan (PCB) yang dibayar kepada LHDNM **3,075.00**

2. Arahkan Potongan CP 38

3. Zakat yang dibayar melalui potongan gaji

4. Jumlah tuntutan potongan oleh pekerja melalui Borang TP1 berkaitan:

(a) Pelepasan RM.....

(b) Zakat selain yang dibayar melalui potongan gaji bulanan RM.....

5. Jumlah pelepasan bagi anak yang layak **2,000.00**

D CARUMAN KEPADA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA DAN PERKESO

Amaun caruman yang wajib dibayar (nyatakan bahagian pekerja sahaja)

1. KWSP: RM..... 2. PERKESO: RM.....

E SENARAI ELAUN / PERKUISIT / PEMBERIAN / MANFAAT YANG DIKECUALIKAN CUKAI SERTA AMAUN MASING-MASING

Jenis Elaun/Perkuisit/Pemberian/Manfaat	Jumlah Dikecualikan (RM)	Jenis Elaun/Perkuisit/Pemberian/Manfaat	Jumlah Dikecualikan (RM)
1. Elaun Ada Potongan KWSP	8,400.00	2. Elaun Tiada Potongan KWSP	6,000.00
3.		4.	

Tindakan kemaskini di PA30 perlu dilaksanakan selewat-lewatnya **sebelum atau pada 26 Januari 2026 (Isnin).**

Sekian, terima kasih.

Unit Gaji
JANM Negeri Pahang
16 Januari 2026